

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW
(WANGSA MAJU)**

TARIKH : 29 SEPTEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

DATIN PADUKA DR. TAN YEE KEW [WANGSA MAJU] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan berapa jumlah kerugian sektor pertanian akibat pandemik COVID-19 dan apakah bantuan daripada Kementerian kepada petani-petani yang mengalami kerugian tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Penularan pandemik COVID-19 dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sememangnya telah memberi kesan kepada sektor agromakanan negara secara langsung dan tidak langsung di mana kelancaran rantaian makanan terganggu antaranya pengeluaran, pengedaran, pemasaran dan peruncitan produk hasil pertanian dan industri makanan.

Berdasarkan Laporan Survei Khas Covid-19 Kepada Ekonomi dan Individu (Pusingan 1) yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) pada Mac 2021, sektor pertanian mencatatkan peratusan kehilangan pekerjaan sebanyak 21.9%.

SOALAN NO: 56

Kesan pandemik COVID-19 kepada subsektor tanaman menyebabkan saiz penanaman ladang terpaksa dikecilkan, jadual penanaman disusun semula, penjualan hasil tuaian semakin berkurangan serta pertukaran kepada tanaman lain yang boleh memberikan pulangan segera kepada pengusaha. Subsektor ternakan turut terjejas akibat peningkatan kos input penternakan, pengurangan pengeluaran dan kebolehpasaran ternakan serta hasil ternakan. Manakala bagi subsektor perikanan pula, pengeluaran perikanan bagi tahun 2020 mengalami sedikit penurunan sebanyak 4.4% berbanding tahun 2019.

Bagi membantu golongan petani yang terjejas dan terus menggalakkan aktiviti pertanian dijalankan semasa pandemik, MAFI telah diperuntukkan Dana Jaminan Makanan (DJM) sebanyak RM1 bilion pada 27 Mac 2020. Jumlah ini tidak termasuk pelaksanaan Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) 2020 sebanyak RM50 juta yang merangkumi 918 perolehan dan projek kecil di seluruh negara bagi merangsang perniagaan kontraktor Bumiputera yang terkesan dengan kelembapan ekonomi yang disebabkan oleh kesan awal pandemik COVID-19 pada ketika itu.

Manakala DJM merangkumi pakej Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) dan juga sebahagian Projek Khas Belanjawan 2021. Penyediaan DJM ini merupakan langkah intervensi untuk membantu pengusaha pertanian dengan segera, serta secara tidak langsung telah menyuntik dana untuk mengaktifkan kembali rantai ekonomi agromakanan bermula daripada pengeluar sehinggalah ke peringkat hiliran dan runcit.

Selain daripada bantuan-bantuan dan inisiatif menerusi Dana Jaminan Makanan dan Pakej Rangsangan Ekonomi yang diberikan, Kementerian ini melalui Jabatan dan agensi terlibat membantu kumpulan sasaran yang terjejas akibat dari pandemik COVID-19 ini seperti berikut:

- i. Program Bakul Makanan di bawah program MAFI Prihatin yang memberi sumbangan berbentuk makanan bagi meringankan bebanan golongan yang terjejas akibat pandemik COVID 19. Seramai 86,246 penerima di 326 lokasi seluruh negara telah

SOALAN NO: 56

menerima manfaat yang disampaikan melalui pelbagai jabatan dan agensi kementerian pada tahun ini sehingga Julai 2021;

- ii. Sebanyak 35,681 surat kelulusan kebenaran beroperasi telah dikeluarkan semasa tempoh pandemik bagi tempoh Januari hingga Ogos 2021 bagi memastikan pengeluaran hasil dan rantaian nilai makanan tidak terjejas memandangkan aktiviti pertanian juga telah dikategorikan sebagai perkhidmatan penting negara (*essential services*) dan dibenarkan beroperasi sepanjang masa;
- iii. Sebanyak 48,281 latihan secara atas talian telah dibuat bagi meningkatkan kemahiran dan khidmat nasihat sama ada melalui panggilan telefon, panggilan video, webinar serta melalui platform media sosial seperti facebook dan aplikasi whatsapp yang melibatkan 50,182 petani dan 436,487 pengunjung melalui media sosial;
- iv. Platform pemasaran digital (e-dagang) bagi membantu meningkatkan ruang pemasaran para petani dan pengusaha melalui platform e-dagang seperti Agrobazaar Online dan NekmatBiz serta kerjasama strategik dengan syarikat swasta seperti Lazada, Shopee dan AirAsia;
- v. Projek Rezeki Ternak dengan jumlah RM1.94 juta telah dibelanjakan pada tahun 2020 melibatkan 1,398 penternak, manakala sejumlah RM0.96 juta diperuntukkan untuk tahun 2021;
- vi. Program Pembangunan Industri Ruminan (PROPER) yang melibatkan bantuan geran pepadanan 70% kerajaan dan 30% penternak dan berjaya mengagihkan 252 ekor bebiri kepada 12 orang penternak dan 286 ekor lembu kepada 13 orang penternak pada tahun 2020;
- vii. Program Peningkatan Pengeluaran Tenusu Negara berjumlah RM4.0 juta diperuntukkan secara geran pepadanan 30%

SOALAN NO: 56

Kerajaan dan 70% secara agihan lembu tenusu dara bunting kacukan Friesian dari Australia dan beserta peralatan;

- viii. Pemberian kadar bayaran sewaan premis kerajaan sebanyak 50% kepada pengusaha di semua kemudahan Ladang Satelit di Taman Kekal Pengeluaran Ruminan (TKPR) dan operator swasta di rumah sembelih serta program;
- ix. Memberikan penangguhan pembaharuan semua lesen vesel penangkapan ikan sehingga 1 Oktober 2021 serta meneruskan pemberian Elaun Sara Hidup Nelayan Laut dan Darat dengan kadar yang telah ditingkatkan;
- x. Memberikan pengecualian syarat minimum pendaratan ikan melalui Laporan Operasi Vesel (LOV) dan purata keaktifan *Mobile Transducer Unit* (MTU) untuk pembaharuan lesen vesel penangkapan ikan laut dalam Zon C2; dan
- xi. Program Geran Pepadanan *Change Upgrade Products* (CUP) bagi aktiviti ekonomi hiliran dalam sektor agromakanan yang memanfaatkan seramai 154 orang pengusaha industri asas tani pada tahun 2020 dengan peruntukan bernilai RM4 juta, manakala pada tahun 2021, sehingga kini seramai 141 pengusaha telah menerima manfaat dengan peruntukan bernilai RM4.4 juta.

Kementerian berharap agar inisiatif-inisiatif termasuk program dan projek serta bantuan khas yang dilaksanakan dapat membantu para petani, nelayan dan penternak serta pengusaha agromakanan yang terjejas disebabkan COVID-19 pandemik dalam meneruskan kelangsungan perusahaan masing-masing dan memberikan sumber pendapatan yang mampan. MAFI akan terus mengambil segala tindakan bagi memastikan kepentingan kumpulan sasar sektor agromakanan terus terjamin.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2021**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN
BIN HAJI HAMZAH [KUBANG PASU]**

TARIKH : 29 SEPTEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

DATO' WIRA HAJI AMIRUDDIN BIN HAJI HAMZAH [KUBANG PASU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa bayaran khidmat hutang Kerajaan bagi setiap ringgit hasil yang dikutip pada tahun 2020. Memandangkan jumlah peruntukan Kumpulan Wang COVID-19 telah meningkat RM45 bilion berbanding yang diluluskan untuk tahun 2021, apakah rancangan Kerajaan untuk menampung kos pinjaman tambahan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pada tahun 2020, bayaran khidmat hutang Kerajaan adalah berjumlah 34.5 billion ringgit atau 15.3% daripada jumlah hasil. Ini bermakna sebanyak lebih 15 sen daripada setiap ringgit hasil yang diterima oleh Kerajaan terpaksa dibelanjakan untuk membuat bayaran khidmat hutang.

2. Memandangkan ruang fiskal sedia ada yang kecil, Kerajaan terpaksa meneruskan amalan pembiayaan defisit fiskal. Oleh yang demikian, peningkatan peruntukan Kumpulan Wang COVID-19 akan menambah jumlah pinjaman Kerajaan, yang sudah tentunya akan menambah beban bayaran khidmat hutang.

3. Kos bayaran khidmat hutang dibiayai melalui hasil Kerajaan Persekutuan seperti yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan Persekutuan Perkara 98(1)(b) iaitu segala caj hutang adalah di bawah perbelanjaan tanggungan Kerajaan Persekutuan yang mendahului peruntukan operasi yang lain. Ini menunjukkan Kerajaan kekal komited untuk membiayai bayaran khidmat hutang mengikut jadual yang ditetapkan setiap tahun dan sentiasa memastikan bayaran khidmat hutang kekal terurus.

4. Keutamaan Kerajaan buat masa ini adalah untuk memastikan negara dapat menangani krisis pandemik dan seterusnya kembali pulih ke arah trajektori pertumbuhan seperti sebelum krisis melalui bajet mengembang. Langkah-langkah untuk mengekang kenaikan nisbah keberhutangan kepada hasil hanya akan dilaksanakan selepas krisis berakhir dan ekonomi kembali pulih dan stabil. Kerajaan telahpun merangka strategi konsolidasi fiskal dan meluaskan asas hasil yang dijangka dapat menyediakan ruang fiskal yang lebih besar, mengurangkan paras hutang dan beban bayaran khidmat hutang secara beransur-ansur dalam jangka sederhana.

Sekian, terima kasih.